

Headline	NRE tawar nasihat, perundingan teknikal, latihan periksa pokok berisiko tumbang		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	07 Mar 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	45,554
Page No	4	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	225 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,459
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,377



## NRE tawar nasihat, perundingan teknikal, latihan periksa pokok berisiko tumbang

**KUCHING:** Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menawarkan khidmat nasihat, perundingan teknikal dan latihan untuk memeriksa pokok-pokok tua yang berisiko tumbang kepada semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar dalam kenyataannya semalam menambah, ia merupakan langkah bagi mengurangkan ancaman pokok berbahaya kepada orang awam dan harta benda.

Perkara itu diwujudkan selepas kejadian pokok besar di hadapan Menara Berkembar Petronas KLCC yang tumbang menghempap sebuah motosikal dan kereta serta menyebabkan dua orang awam cedera pada 5 Mac lalu.

“Saya ingin memaklumkan bahawa FRIM mempunyai kepakaran dan peralatan terkini untuk membantu serta melatih kakitangan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan kontraktor yang

dilantik oleh PBT dalam menjalankan pemeriksaan pokok dan penyelenggaraan berkala dengan lebih sistematik serta mengikut ‘best arboriculture practices’.

“FRIM bersedia membantu PBT yang berhasrat mengenal pasti risiko pokok-pokok yang berbahaya di kawasan masing-masing selain berupaya membantu PBT dalam menganjurkan bengkel dan seminar berkaitan pengurusan pokok-pokok di dalam bandar,” katanya.

Sementara itu, buat masa ini pihak FRIM sedang memberi khidmat nasihat dalam penjagaan pokok-pokok teduhan di kawasan bandar seperti di Taiping, Port Dickson, Shah Alam dan Kuala Terengganu.

Tegas beliau, pokok yang tumbang itu dipercayai berumur lebih 60 tahun dan berada dalam ruang pertumbuhan yang sempit di kawasan pembangunan pesat.

Jelasnya, pokok yang sudah tua, bersaiz terlalu besar dan terletak di kawasan tengah bandar menghadapi masalah kekurangan zon pengakaran serta gangguan

oleh kerja-kerja pembangunan di sekelilingnya seperti pemotongan akar boleh menyebabkan kemerosotan kesihatan dan menjejaskan kekuatan struktur pokok.

Pada masa yang sama, menurut pakar arboris FRIM, pemeriksaan ke atas pokok-pokok besar di setiap bandar perlu dipertingkatkan dan dilaksanakan oleh pihak berkecualan serta berpengalaman untuk mencadangkan tindakan dan rawatan yang sesuai baginya.

Oleh itu, pemeriksaan secara berkala sekurang-kurangnya setiap tiga atau enam bulan amat penting dilakukan oleh arboris atau pekerja yang dilatih oleh mereka yang bertauliah.

Penggunaan teknologi baharu dalam aborikultur seperti alat sonik tomograf untuk mengesan reput bahagian dalam batang membolehkan pengenalpastian pokok-pokok berbahaya dengan lebih berkesan agar langkah-langkah mitigasi dapat diambil dengan lebih awal untuk mengelak sebarang kejadian tidak diingini.